

# Beri sokongan kepada Paklah

UM 16 SEP 2003

Oleh NORLIZA A. RAHMAN

**K**OTA BHARU 15 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap kakitangan awam akan terus memberikan perkhidmatan profesional apabila Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, sokongan mereka akan dapat memastikan Abdullah tidak menghadapi masalah ketika menerajui negara khususnya berdepan dengan anggota tidak profesional.

Katanya, sokongan berterusan mereka akan memastikan negara terus maju dan rakyat menikmati kemajuan sementara Malaysia dihormati dunia kerana dapat ditadbir dengan pesat.

“Saya berharap anggota perkhidmatan awam akan terus memberikan perkhidmatan profesional bila saya bersara Oktober ini dan Abdullah akan menjadi Perdana Menteri saya

berharap dia juga tidak menghadapi masalah dengan anggota perkhidmatan awam yang tidak profesional,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan 15,000 anggota perkhidmatan awam Kerajaan Persekutuan dan negeri Kelantan sempena majlis makan malam raksasa di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Putera, di sini malam ini.

Hadir sama ialah isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan, Datuk Ibrahim Jusoh dan ketua serta kakitangan Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Dr. Mahathir berkata, beliau amat bersyukur kerana bernasib baik sepanjang menerajui kerajaan mendapat sokongan yang cukup baik daripada kakitangan awam yang disifatkannya betul-betul profesional.

Ini kerana katanya, anggota perkhidmatan awam di negara ini menjalankan tugas mereka mengikut aturan dan peraturan tanpa mengambil kira samaada mereka bersetuju atau tidak dengan dasar-dasar kerajaan.

“Sebab itu kerana mereka bersifat profesional maka negara dapat dimajukan. Jika tidak walau kita mempunyai idea baik ia mungkin tidak dapat dilaksanakan kerana jika anggota perkhidmatan tidak bersikap profesional berpihak kepada orang itu ini tak sependirian dengan kerajaan maka dasar-dasar tidak dapat dilaksanakan,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, profesionalisme anggota perkhidmatan itu membolehkan negara dibangunkan dengan pesat dan sempurna sehingga banyak pelawat asing yang tersalah anggap Malaysia sebagai sebuah negara maju walaupun sebenarnya masih sebuah negara sedang membangun.